

## Menghubungkan Komuniti Global: Perspektif Komunikasi Silang Budaya dalam Pelancongan Halal

*(Connecting Global Communities: A Cross-Cultural Communication Perspective in Halal Tourism)*

Rosmawati Mohamad Rasit<sup>1\*</sup> , Md. Rozalafri Johori<sup>2</sup> 

<sup>1</sup>Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi 43600 Selangor, Malaysia.  
Email: rosmawati@ukm.edu.my

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor, Malaysia.  
Email: rozalafri@uis.edu.my

### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Rosmawati Mohamad Rasit  
(rosmawati@ukm.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Pelancongan halal  
Komunikasi  
Silang budaya  
Komuniti  
Global

#### KEYWORDS:

Halal tourism  
Communication  
Cross cultural  
Community  
Global

#### CITATION:

Rosmawati Mohamad Rasit, & Md. Rozalafri Johori. (2025). Menghubungkan Komuniti Global: Perspektif Komunikasi Silang Budaya dalam Pelancongan Halal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(6), e003424.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i6.3424>

Dalam konteks globalisasi, pelancongan halal bukan sahaja menawarkan potensi ekonomi tetapi juga berfungsi sebagai platform untuk memupuk persefahaman budaya dan toleransi. Walau bagaimanapun, cabaran seperti salah faham dan ketegangan budaya boleh timbul apabila perbezaan budaya dan norma tidak difahami sepenuhnya oleh penyedia perkhidmatan pelancongan. Oleh itu, perbincangan ini memfokuskan kepada kepentingan komunikasi silang budaya dalam pelancongan halal serta interaksinya terhadap pelancong Muslim. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan analisis literatur yang berlandaskan kajian-kajian lepas. Pendekatan ini bertujuan untuk memahami dengan mendalam perspektif dan penemuan-penemuan lepas yang berkaitan dengan topik kajian, di samping mengenal pasti jurang pengetahuan sedia ada. Analisis literatur ini akan memberi asas teori yang kukuh serta menyokong perbincangan selanjutnya dalam kajian ini. Implikasi kajian ini turut memperlihatkan peranannya dalam memperkasakan industri pelancongan halal melalui sokongan terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), khususnya SDG 8, 12, dan 16. SDG 8 memfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi mampan, di mana industri pelancongan halal yang inklusif dan beretika dapat memacu ekonomi melalui penciptaan peluang pekerjaan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat. SDG 12 menekankan kepentingan penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab, yang dapat dicapai melalui promosi amalan pelancongan yang lestari dan selaras dengan prinsip halal. Sementara itu, SDG 16 yang mengutamakan keharmonian antara budaya menunjukkan bahawa komunikasi silang budaya yang efektif adalah elemen utama dalam mewujudkan hubungan antara pelancong Muslim dan komuniti tempatan,

sekaligus menggalakkan rasa hormat dan pemahaman sejagat. Dengan menekankan kepentingan komunikasi silang budaya, kajian ini menyokong usaha memperkasakan industri pelancongan halal untuk mencapai matlamat yang lebih mampan dan berwawasan global.

### ABSTRACT

In the era of globalization, halal tourism presents not only significant economic opportunities but also serves as a vital platform for promoting intercultural understanding and tolerance. Nevertheless, challenges such as miscommunication and cultural friction may emerge when tourism service providers lack adequate awareness of diverse cultural norms and values. Consequently, this study explores the critical role of cross-cultural communication within the context of halal tourism and examines its implications for the experiences of Muslim travellers. The study employs a literature-based analytical approach, drawing upon existing scholarly work to develop a comprehensive understanding of prior perspectives and empirical findings relevant to the subject. This methodology also facilitates the identification of current knowledge gaps, thereby providing a robust theoretical foundation for subsequent analysis and discussion. The findings underscore the potential of cross-cultural communication to enhance the halal tourism sector in alignment with several Sustainable Development Goals (SDGs), notably SDG 8, 12, and 16. SDG 8 advocates for inclusive and sustainable economic growth, wherein the halal tourism industry can contribute through ethical practices, job creation, and the enhancement of local community well-being. SDG 12 emphasizes responsible consumption and production, which can be advanced by integrating sustainable practices that are consistent with halal principles. SDG 16, which promotes peaceful and inclusive societies, highlights the significance of fostering cultural harmony—an outcome that can be facilitated through effective cross-cultural communication between Muslim tourists and host communities. By foregrounding the role of cross-cultural communication, this study contributes to the ongoing discourse on the development of a more resilient, ethical, and globally responsive halal tourism industry.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan kerangka konsep berkaitan pelancongan halal dengan mengetengahkan kepentingan komunikasi silang budaya yang masih kurang diberi penekanan dalam wacana sedia ada. Keaslian kajian terletak pada pendekatan analisis literatur yang menyatukan aspek komunikasi, nilai Islam, dan kepelbagaian budaya secara holistik dalam konteks pelancongan halal kontemporari.

## 1. Pengenalan

Pelancongan halal menawarkan peluang ekonomi yang besar berikutan peningkatan bilangan pelancong Muslim dan perbelanjaan mereka dalam sektor pelancongan. Sektor ini dijangka mencapai nilai USD 283 bilion menjelang 2022 ([Global Muslim Travel Index, 2021](#)), menunjukkan potensi yang signifikan untuk menyumbang kepada ekonomi global. Selain manfaat ekonomi, konsep pelancongan halal bukan sahaja patuh Syariah tetapi juga dianggap universal dan mesra alam. Pendekatan ini dilihat sebagai sesuatu yang boleh diterima oleh pelancong daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama, memperkukuhkan pelancongan halal sebagai sektor inklusif yang dapat memenuhi keperluan dan nilai sejagat. Pelancongan halal merupakan sektor yang pesat berkembang dalam industri pelancongan global, yang memenuhi permintaan pelancong Muslim melalui perkhidmatan dan kemudahan yang selari dengan prinsip-prinsip Islam. Seiring dengan kesedaran dan keperluan yang semakin meningkat, pelancongan halal menjadi pilihan utama bagi pelancong Muslim yang mencari pengalaman perjalanan yang mematuhi syariah. Menurut laporan [OIC \(2018\)](#), peningkatan jumlah pelancong Muslim yang mencari perkhidmatan patuh Syariah telah membuka peluang luas bagi pelancongan Islam untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan. Laporan [OIC \(2018\)](#) ini menekankan bahawa pelancongan halal bukan sahaja meningkatkan pendapatan pelancongan di negara-negara anggota OIC, tetapi juga menggalakkan pembangunan infrastruktur yang sesuai dengan nilai-nilai Islam. Dengan memperkukuh infrastruktur dan menyediakan perkhidmatan yang mematuhi Syariah, pelancongan Islam bukan sahaja memenuhi kehendak pelancong Muslim, tetapi juga mendorong perkembangan ekonomi yang mesra alam dan lestari di peringkat global ([OIC, 2018](#)).

Lebih daripada sekadar percutian, pelancongan halal mencerminkan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek, dari penyediaan makanan dan minuman halal, hingga penginapan dan aktiviti rekreasi yang sesuai. Dalam era globalisasi, konsep ini semakin mendapat sambutan, bukan hanya di negara-negara majoriti Muslim tetapi juga di negara-negara bukan Muslim. Globalisasi telah membuka peluang luas bagi pelancongan halal untuk merapatkan jurang antara masyarakat yang berbeza budaya, menjadikan pelancongan bukan sahaja sebagai pengalaman yang memperkaya, tetapi juga sebagai wadah untuk memupuk persefahaman dan toleransi yang lebih mendalam antara masyarakat. Menurut [Md Siddique, Moha Asri, dan Dzuljastri \(2019\)](#), pelancongan halal berteraskan konsep *halalan-toyyiban*, yang menekankan kepatuhan syariah dan aspek kebajikan yang merangkumi etika serta kebaikan bagi pengguna. Konsep *toyyiban* merujuk kepada kualiti dan kebersihan yang bukan sahaja memenuhi piawaian halal, tetapi juga memastikan aspek keselamatan, kebersihan, dan kemampanan dalam produk dan perkhidmatan. Aspek ini tidak hanya menarik bagi pelancong Muslim, tetapi juga berpotensi untuk menarik perhatian pelancong bukan Muslim yang mencari produk dan perkhidmatan yang etika dan mesra alam.

Namun, pelancongan ini bukan sahaja melibatkan perpindahan fizikal antara destinasi, tetapi juga berfungsi sebagai platform bagi pertukaran nilai, norma, dan kepercayaan agama yang berpotensi memperkukuhkan interaksi antara budaya atau, sebaliknya, mencetuskan ketegangan budaya. Justeru, para penyedia perkhidmatan pelancongan dan masyarakat di destinasi yang kerap menerima kunjungan pelancong Muslim perlu memiliki pemahaman mendalam mengenai keperluan rohani dan budaya pelancong ini. Pemahaman sedemikian membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan yang selari dengan nilai serta kepercayaan masyarakat setempat, di samping memastikan

komunikasi silang budaya yang efektif. Dengan pendekatan yang lebih terbuka dan responsif ini, destinasi pelancongan berupaya mengekalkan keharmonian serta membina hubungan positif yang dapat meningkatkan pengalaman pelancong Muslim, sambil memperkukuhkan hubungan antara budaya. Mamzer (2018) menegaskan bahawa dalam usaha meningkatkan kecekapan komunikasi silang budaya, motivasi dalaman untuk memahami budaya lain adalah aspek yang sangat penting. Keinginan untuk mengenali dan menghargai kepelbagaian budaya membolehkan individu berinteraksi dengan lebih empati dan sensitiviti, yang seterusnya memperkukuh komunikasi yang berkesan dalam konteks global yang semakin saling berkaitan.

Pelancongan halal bukan sekadar tentang penyediaan kemudahan seperti makanan halal dan ruang solat, tetapi juga melibatkan kepekaan terhadap nilai-nilai dan norma Islam yang menekankan pembangunan lestari dan tanggungjawab sosial (Md Siddique et al., 2019). Oleh itu, para penyedia perkhidmatan pelancongan dan masyarakat di destinasi yang popular dalam kalangan pelancong Muslim perlu mempunyai kesedaran budaya yang mendalam untuk memastikan komunikasi silang budaya yang lancar dan harmoni. Komunikasi yang berkesan dan sensitif terhadap budaya Islam dapat memupuk perasaan dihargai dalam kalangan pelancong Muslim, sekaligus meningkatkan kepuasan mereka terhadap destinasi tersebut. Dengan memberi tumpuan kepada komunikasi yang peka dan perkhidmatan yang mesra Muslim, destinasi bukan sahaja dapat menarik lebih ramai pelancong Muslim, tetapi juga memperkukuhkan hubungan antara budaya, yang dapat membantu membina persepsi positif terhadap destinasi dalam jangka panjang.

Walau bagaimanapun, cabaran besar dalam industri pelancongan halal ialah memahami dan menyesuaikan komunikasi dengan pelancong Muslim yang datang dari pelbagai negara dan latar belakang budaya. Setiap negara mempunyai ciri budaya, bahasa, dan adat istiadat yang unik, yang mungkin mempengaruhi jangkauan pelancong Muslim terhadap perkhidmatan dan pengalaman pelancongan halal. Komunikasi yang tidak berkesan boleh menyebabkan salah faham dan mungkin menjejaskan kualiti perkhidmatan yang diterima oleh pelancong. Oleh itu, industri pelancongan halal perlu memastikan bahawa komunikasi di antara pelancong dan penyedia perkhidmatan adalah jelas, sensitif kepada nilai-nilai Islam, dan mengambil kira perbezaan budaya yang wujud. Faridah et al. (2023) menekankan bahawa selain cabaran komunikasi, persaingan daripada negara lain yang juga mempromosikan pelancongan halal semakin meningkat. Negara seperti Indonesia, Turki, dan negara-negara Timur Tengah telah mula menonjol dalam pasaran pelancongan halal dengan menawarkan pengalaman yang lebih khusus kepada pelancong Muslim. Keupayaan negara-negara ini untuk memenuhi permintaan pelancong Muslim dengan perkhidmatan yang komprehensif dan patuh Syariah memberikan saingan kepada Malaysia. Dalam menghadapi persaingan ini, Malaysia perlu berinovasi dan meningkatkan daya tarikan pelancongan halal melalui penawaran pengalaman unik yang menggabungkan elemen budaya tempatan yang tidak terdapat di negara lain.

Menurut Albu (2015), pelancong yang mengunjungi destinasi dengan budaya dan adat yang berbeza sering kali berhadapan dengan cabaran komunikasi yang rumit serta risiko mengalami kejutan budaya. Keberkesanan komunikasi dalam konteks ini sangat bergantung pada pemahaman mendalam dan penghormatan terhadap perbezaan budaya yang ada, termasuk kesedaran tentang elemen-elemen budaya yang meliputi simbol, ritual, dan nilai. Perbezaan ini, jika tidak ditangani dengan bijak, berpotensi mencetuskan salah stereotaip yang boleh menimbulkan persepsi negatif atau ketidakselesaan dalam interaksi antara pelancong dan komuniti tempatan. Meskipun

terdapat potensi konflik, pengalaman komunikasi antara budaya ini juga membawa peluang kepada pelancong untuk memperkaya pemahaman mereka terhadap budaya lain, selain meningkatkan penghargaan mereka terhadap budaya sendiri. Dalam hal ini, komunikasi antara budaya bertindak bukan hanya sebagai medium penyampaian maklumat tetapi sebagai wadah pembinaan pemahaman yang lebih mendalam. Komunikasi yang berkualiti dalam sektor pelancongan harus melebihi penyampaian maklumat semata-mata. Sebaliknya, komunikasi tersebut perlu dilihat sebagai alat untuk membina pemahaman, toleransi, dan penghormatan terhadap kepelbagaian budaya, yang kesemuanya penting untuk memperkasa interaksi positif antara pelancong dan komuniti setempat (Albu, 2015).

Oleh itu, perbincangan ini bertujuan untuk meneliti peranan pelancongan halal dalam era globalisasi dengan menekankan kepentingan komunikasi silang budaya sebagai elemen utama dalam memperkaya pengalaman pelancong Muslim. Dalam konteks globalisasi yang semakin pesat, pelancongan halal bukan sahaja menjadi satu segmen yang signifikan dalam industri pelancongan antarabangsa, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan yang harmoni antara pelancong Muslim dan komuniti tempatan. Dengan memahami dan mengaplikasikan prinsip komunikasi silang budaya yang berkesan, industri pelancongan halal dapat mewujudkan persekitaran yang mesra, inklusif, dan sensitif terhadap keperluan budaya dan agama pelancong Muslim. Justeru, komunikasi silang budaya dapat digunakan sebagai alat untuk memperkukuh interaksi positif dan mendorong saling menghormati antara pelancong Muslim dan masyarakat tuan rumah, sejajar dengan aspirasi ke arah pembangunan pelancongan yang lebih lestari dan mampan.

## 2. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis literatur secara kualitatif untuk meneliti isu-isu berkaitan komunikasi silang budaya dalam konteks pelancongan halal. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti, menilai dan mensintesis hasil-hasil penyelidikan terdahulu yang relevan dengan topik kajian. Proses analisis ini melibatkan semakan terhadap artikel-artikel jurnal akademik yang membincangkan dimensi komunikasi silang budaya dan pelancongan Islam. Pemilihan sumber literatur dilakukan secara terpilih berdasarkan kesesuaian tema dan sumbangan ilmiahnya terhadap bidang pelancongan halal. Kaedah ini juga membolehkan penyelidik mengenal pasti jurang pengetahuan dalam kajian sedia ada. Hasil daripada analisis ini digunakan untuk menyokong hujahan dan perbincangan dalam artikel ini.

## 3. Menghubungkan Komuniti Melalui Pelancongan Halal

Pelancongan halal berperanan sebagai agen pembangunan ekonomi, terutamanya dalam kalangan negara-negara yang berusaha untuk menarik pelancong Muslim. Pelbagai negara kini menawarkan kemudahan mesra Muslim, seperti restoran halal, hotel yang menyediakan ruang solat, dan pusat rekreasi yang mematuhi nilai-nilai Islam. Dengan adanya infrastruktur pelancongan halal, negara-negara ini dapat menarik lebih banyak pelancong Muslim, sekaligus meningkatkan pendapatan industri pelancongan mereka (Faridah et al., 2023). Hal ini juga mencerminkan kebolehan industri pelancongan halal untuk menyumbang kepada beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), terutamanya dalam aspek kesihatan dan kesejahteraan masyarakat, serta pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab. Sebagai contoh, negara seperti Malaysia dan Turki telah memperluaskan tawaran pelancongan halal mereka untuk menjadi hab

destinasi mesra Muslim, dengan menyediakan pelbagai kemudahan yang memenuhi keperluan pelancong Muslim. Dengan menyediakan kemudahan ini, mereka bukan sahaja menyokong ekonomi domestik, tetapi juga membina imej negara sebagai destinasi yang inklusif dan ramah kepada semua budaya. Maka, pelancongan halal bukan hanya satu konsep ekonomi tetapi juga suatu gerakan yang mempromosikan persefahaman antara masyarakat berbeza budaya, mencipta peluang interaksi yang memperkaya, dan menggalakkan pengalaman perjalanan yang penuh dengan nilai dan pengajaran yang sejajar dengan prinsip-prinsip Islam.

Dengan kebangkitan semula sektor pelancongan selepas pandemik COVID-19, Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam perkhidmatan pelancongan, termasuk pematuhan kepada standard keselamatan dan kesihatan yang ketat. Penekanan kepada aspek kebersihan dan keselamatan, yang penting bagi semua pelancong, juga perlu disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelancong Muslim yang mungkin lebih mementingkan tempat-tempat solat bersih dan kemudahan makanan halal yang sihat. Dalam konteks ini, pelancongan halal bukan sahaja harus memberikan perkhidmatan yang patuh Syariah, tetapi juga memastikan pengalaman yang mesra dan selamat kepada pelancong Muslim, terutamanya dalam era pasca-pandemik yang lebih sensitif kepada isu-isu kesihatan dan kebersihan. Justeru, untuk mengekalkan daya saingnya dalam pasaran global, industri pelancongan halal di Malaysia harus berusaha memahami dan memenuhi jangkakan pelancong Muslim dari pelbagai latar belakang. Usaha ini boleh dicapai melalui peningkatan latihan untuk pekerja industri, penggunaan teknologi untuk komunikasi yang lebih baik, serta kerjasama dengan negara-negara lain dalam berkongsi amalan terbaik dalam pelancongan halal.

[Wahyono dan Razak \(2020\)](#) membincangkan bagaimana pelancongan Islam di Asia Tenggara masih menghadapi pelbagai cabaran yang perlu diatasi untuk mencapai potensi penuhnya, terutama dalam aspek penyediaan fasiliti yang mematuhi standard Islam. Cabaran ini bukan sahaja berkaitan dengan kekurangan fasiliti seperti restoran halal, ruang solat, dan penginapan mesra Muslim, tetapi juga mengenai keperluan untuk memperkukuh kerjasama antara negara-negara di rantau ini. Kerjasama regional sangat penting bagi membolehkan pertukaran amalan terbaik, penyelarasan standard, dan perancangan promosi. Menurut [Wahyono dan Razak \(2020\)](#), kekurangan standard antara negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, dan Brunei boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelancong Muslim mengenai tahap pematuhan syariah di destinasi mereka. Sebagai contoh, sementara Malaysia lebih dikenali dengan konsep “pelancongan Islam,” Indonesia lebih popular dengan istilah “wisata halal.” Walaupun kedua-duanya merujuk kepada konsep pelancongan yang mesra Muslim, perbezaan ini menimbulkan persepsi yang berbeza terhadap kualiti dan kesesuaian perkhidmatan yang ditawarkan.

Oleh itu, perlunya satu standard bersama bagi memastikan pelancong Muslim dapat menikmati pengalaman yang konsisten dan berkualiti tinggi di seluruh rantau Asia Tenggara. [Wahyono dan Razak \(2020\)](#) juga menyarankan bahawa peningkatan dalam promosi dan fasiliti yang mesra Muslim dapat menarik lebih ramai pelancong Muslim antarabangsa, terutamanya dari negara-negara Timur Tengah dan Asia Selatan yang mencari destinasi yang selesa dan sesuai dengan kepercayaan mereka. Promosi yang lebih menyeluruh diperlukan untuk menonjolkan daya tarik unik rantau ini, termasuk warisan budaya Islam, keindahan alam, dan kelebihan mesra Muslim yang tidak terdapat di tempat lain. Kesimpulannya, dengan memperkukuh kerjasama serantau dan meningkatkan kualiti fasiliti serta standard perkhidmatan, pelancongan Islam di Asia

Tenggara berpotensi untuk menjadi peneraju dalam pasaran pelancongan halal global. Manakala, [Suryandari dan Rahmawati \(2022\)](#) menyatakan bahawa permintaan terhadap produk dan perkhidmatan pelancongan yang patuh kepada prinsip halal menunjukkan peningkatan yang ketara, selari dengan kesedaran global dalam kalangan Muslim untuk memilih destinasi yang menawarkan kemudahan sesuai dengan kepercayaan agama mereka. Kesedaran ini mencerminkan kecenderungan pelancong Muslim untuk lebih berhati-hati dalam memilih destinasi yang bukan sahaja memenuhi keperluan pelancongan umum, tetapi juga mematuhi prinsip syariah.

[Bahtar \(2012\)](#) juga menyoroti peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan mesra Muslim seperti makanan halal, kemudahan solat, dan hotel patuh Syariah, khususnya dalam kalangan pelancong dari Timur Tengah yang memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Permintaan ini mencerminkan kepentingan penyediaan perkhidmatan yang sejajar dengan prinsip-prinsip Islam, yang tidak hanya memenuhi keperluan asas pelancong Muslim tetapi juga mempengaruhi tahap kepuasan mereka secara keseluruhan. Namun, [Bahtar \(2012\)](#) turut mengenal pasti satu isu kritikal dalam industri pelancongan halal di Malaysia, iaitu kekurangan kawalan dan standard dalam penyediaan kemudahan yang patuh syariah. Ketiadaan standard yang jelas boleh menyebabkan ketidakselarasan dalam pengalaman pelancong, di mana perkhidmatan yang diterima mungkin berbeza antara destinasi atau penyedia perkhidmatan. Hal ini bukan sahaja boleh menjejaskan persepsi pelancong terhadap kredibiliti pelancongan halal di Malaysia tetapi juga berpotensi mengurangkan kepuasan dan kesetiaan mereka sebagai pelanggan.

Untuk mengatasi cabaran ini, adalah penting bagi sektor pelancongan halal di Malaysia untuk melaksanakan satu rangka kerja kawalan yang lebih ketat dan standard perkhidmatan yang seragam. Dengan adanya standard yang konsisten, pelancong Muslim dapat menikmati pengalaman yang lebih menyeluruh dan berkualiti, di samping meningkatkan keyakinan mereka terhadap kemudahan yang disediakan. Di samping itu, pengawalan yang lebih ketat perlu dilakukan untuk memastikan bahawa semua perkhidmatan yang dilabel sebagai patuh Syariah benar-benar mematuhi prinsip-prinsip Islam. Ini termasuk pengauditan yang berkala dan proses pensijilan halal yang komprehensif untuk setiap kemudahan yang ditawarkan, dari segi penyediaan makanan halal hingga kemudahan solat yang bersih dan mudah diakses. Selain memperkukuhkan standardisasi, kerjasama antara pihak kerajaan, sektor swasta, dan badan pengawal selia juga perlu dipertingkatkan. Usaha kolektif ini tidak hanya akan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan halal di Malaysia tetapi juga menonjolkan negara sebagai destinasi yang komited kepada prinsip syariah. Pendekatan ini dapat memberikan kelebihan kepada Malaysia di peringkat global, menjadikannya pilihan utama bagi pelancong Muslim yang mencari destinasi yang memenuhi kehendak agama mereka secara menyeluruh dan konsisten ([Bahtar, 2012](#)).

[Adinugraha et al. \(2023\)](#) berhujah bahawa wujudnya jurang ketara antara matlamat pelancongan halal dan amalan sebenar di lapangan, terutamanya dalam konteks Malaysia. Walaupun Malaysia berusaha keras untuk mempromosi dirinya sebagai destinasi pelancongan halal yang utama, kekurangan kawalan dan standard dalam penyediaan kemudahan patuh syariah masih menimbulkan cabaran. Isu ini melibatkan aspek seperti penjualan alkohol yang masih berlaku di sesetengah hotel dan restoran, serta kewujudan perkhidmatan yang tidak sepenuhnya menepati prinsip-prinsip Islam. Kekurangan kawalan ini menimbulkan ketidakselarasan antara janji destinasi mesra Muslim yang diiklankan dengan pengalaman sebenar pelancong, yang boleh membawa

kepada ketidakpuasan dan menjejaskan kepercayaan pelancong Muslim terhadap destinasi tersebut. Tambahan pula, ketiadaan standard yang menyeluruh dalam sektor pelancongan halal di Malaysia boleh menyebabkan ketidakpastian bagi pelancong Muslim. Misalnya, tahap pematuhan syariah yang berbeza di antara destinasi mungkin menimbulkan kekeliruan dan mempengaruhi pilihan pelancong dalam memilih Malaysia sebagai destinasi utama mereka. Untuk mengekalkan daya saing, Malaysia perlu menginstitusikan satu rangka kerja pengawalan yang ketat dan piawaian yang seragam bagi memastikan semua kemudahan benar-benar patuh syariah. Ini bukan sahaja akan meningkatkan keyakinan pelancong Muslim tetapi juga menonjolkan Malaysia sebagai destinasi yang konsisten dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim.

Selain itu, bagi mengukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelancongan halal unggul, kerjasama antara pihak kerajaan, pengusaha pelancongan, dan badan pengawalselia perlu dipertingkatkan. Langkah-langkah seperti pengauditan berkala, pensijilan halal yang lebih ketat, dan pendidikan berterusan kepada pengusaha pelancongan mengenai kepentingan patuh Syariah dapat membantu mengurangkan jurang yang wujud. Dengan meningkatkan kawalan dan standardisasi, Malaysia bukan sahaja dapat memenuhi ekspektasi pelancong Muslim tetapi juga memperkukuh imejnya sebagai destinasi yang benar-benar mesra Muslim. Secara keseluruhannya, usaha ini dapat membantu Malaysia mengekalkan dan meningkatkan daya saingnya di peringkat global sebagai destinasi pelancongan halal yang terkemuka (Adinugraha et al., 2023). Rofiqo et al. (2022) menekankan bahawa pelancongan halal memerlukan kajian yang lebih mendalam serta pendekatan holistik untuk benar-benar memahami keperluan khusus pelancong Muslim. Permintaan pelancong Muslim untuk perkhidmatan dan kemudahan yang mematuhi prinsip Syariah terus meningkat seiring dengan perkembangan industri pelancongan halal. Namun, untuk memenuhi permintaan ini dengan berkesan, destinasi pelancongan mesti mengenal pasti dan mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam produk dan perkhidmatan mereka secara komprehensif. Ini melibatkan bukan sahaja penyediaan makanan halal atau kemudahan solat, tetapi juga memastikan bahawa semua aspek pengalaman pelancongan memenuhi standard yang diharapkan oleh pelancong Muslim, seperti kebersihan, etika, dan keselamatan yang sesuai dengan nilai-nilai Islam.

Tambahan pula, Rofiqo et al. (2022) menekankan pentingnya meningkatkan kerjasama antarabangsa untuk mengatasi isu ketidakseragaman dalam pelaksanaan prinsip Syariah di destinasi pelancongan. Setiap negara mempunyai pemahaman dan penekanan yang berbeza terhadap pelancongan halal, yang kadangkala menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelancong Muslim mengenai tahap pematuhan Syariah di destinasi yang berlainan. Oleh itu, standard antarabangsa dalam pelancongan halal diperlukan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih konsisten dan dapat dipercayai oleh pelancong Muslim di seluruh dunia. Standard ini akan membantu negara-negara yang ingin menjadi destinasi pelancongan halal unggul untuk mencapai tahap kepatuhan yang seragam dan mengukuhkan daya saing mereka di pasaran global. Dalam hal ini, Rofiqo et al. (2022) mencadangkan kerjasama yang lebih erat antara negara-negara Islam melalui organisasi seperti OIC untuk membangunkan rangka kerja piawaian yang komprehensif, yang akan memudahkan pelancong Muslim mendapatkan pengalaman pelancongan yang mematuhi Syariah secara konsisten di mana-mana sahaja mereka pergi.

#### **4. Berkongsi Tanpa Batas: Variasi Silang Budaya**

Komunikasi silang budaya adalah asas penting yang membolehkan individu dari pelbagai latar belakang budaya berinteraksi dengan saling menghormati dan memahami.

Edward T. Hall, seorang tokoh utama dalam bidang komunikasi antara budaya, telah memperkenalkan konsep variasi budaya yang menjelaskan bagaimana budaya membentuk cara individu berinteraksi, berfikir, dan bertindak. Hall (1976) menekankan bahawa komunikasi adalah proses yang kompleks di mana budaya bertindak sebagai "perisian minda," mempengaruhi bukan sahaja bahasa yang digunakan tetapi juga aspek-aspek non-verbal seperti gerak tubuh, ekspresi muka, dan intonasi suara. Dalam dunia global yang semakin berhubung, kemampuan untuk mengatasi halangan budaya menjadi kunci utama dalam pembinaan hubungan yang positif dan berkesan antara komuniti yang berbeza. Mengikuti pandangan Hall (1976), memahami variasi budaya membantu individu mengenali dan menyesuaikan diri dengan perbezaan ini, sekaligus mengurangkan salah faham yang berpunca daripada perbezaan budaya. Dengan mengamalkan sikap toleransi dan menghargai variasi budaya, salah faham dan stereotaip yang mungkin timbul dapat diminimumkan, yang seterusnya memperkasa interaksi yang harmonis dan menyeluruh. Sehubungan itu, komunikasi silang budaya yang berkesan bukan sahaja sekadar alat untuk menyampaikan maklumat tetapi juga berfungsi sebagai jambatan yang menyatukan pelbagai komuniti dalam kerangka keharmonian sosial yang lebih luas. Hall (1976) menunjukkan bahawa dengan menghargai keunikan budaya setiap individu, kita bukan sahaja memudahkan interaksi yang lebih lancar tetapi juga menyumbang kepada pembentukan hubungan yang inklusif dan saling menguntungkan di peringkat global.

Mavianti et al. (2020) menegaskan bahawa perbezaan budaya, yang melibatkan faktor seperti personaliti, usia, dan penampilan fizikal, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keberkesanan komunikasi antara individu. Faktor-faktor ini tidak hanya membentuk cara seseorang berkomunikasi tetapi juga menentukan bagaimana mesej diterima dan ditafsir oleh orang lain dari latar belakang budaya yang berbeza. Dalam konteks ini, kemahiran komunikasi silang budaya menjadi keperluan yang kritikal. Tanpa kemahiran ini, perbezaan budaya sering kali membawa kepada salah faham, yang kemudiannya boleh mencetuskan konflik. Ketiadaan kemahiran komunikasi antara budaya yang berkesan sering mengakibatkan salah faham dan ketegangan dalam interaksi antara individu yang berlainan budaya (Lobanova et al., 2019). Oleh itu, kemampuan untuk mengenali, memahami, dan menghargai variasi budaya adalah kunci untuk membina komunikasi yang berkesan. Kemahiran komunikasi silang budaya yang mantap membolehkan individu berinteraksi dengan cara yang lebih inklusif, sensitif terhadap perbezaan budaya, dan berupaya mengurangkan risiko salah tafsir yang mungkin menghalang interaksi positif.

Mamzer (2018) berhujah bahawa kemahiran komunikasi silang budaya membantu individu menghadapi perbezaan budaya dengan lebih empati dan sensitiviti. Kemahiran komunikasi antara budaya yang kukuh membolehkan individu berinteraksi secara efektif dengan pelbagai kategori sosial dan kumpulan, mengurangkan fenomena kumpulan yang "tidak kelihatan" atau dipandang sebagai sukar dalam situasi komunikasi. Apabila seseorang mempunyai kemahiran komunikasi antara budaya yang kukuh, mereka lebih berupaya untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan pelbagai pandangan dan norma budaya. Ini seterusnya memperkukuh persefahaman dan menggalakkan interaksi yang lebih inklusif, yang diperlukan dalam masyarakat global yang semakin berbilang budaya.

#### 4.1. Budaya Konteks Tinggi dan Konteks Rendah

Yama dan Zakaria (2023) menjelaskan bahawa budaya konteks rendah, yang sering dikaitkan dengan masyarakat Barat, cenderung kepada komunikasi langsung, dan menggunakan pemikiran berasaskan peraturan. Sebaliknya, budaya konteks tinggi, yang banyak diamalkan di negara-negara Timur, lebih menekankan komunikasi implisit dan bergantung pada konteks sosial serta isyarat *non-verbal* untuk memahami makna. Budaya konteks rendah menekankan komunikasi yang jelas, langsung, dan eksplisit, di mana perkataan yang diucapkan membawa makna utama. Dalam budaya ini, orang lebih cenderung berkomunikasi dengan cara yang terus terang dan mementingkan kejelasan mesej yang disampaikan secara verbal. Sebaliknya, dalam budaya konteks tinggi seperti di Malaysia, makna mesej sering disampaikan melalui konteks, isyarat *non-verbal*, dan latar sosial. Komunikasi dalam budaya konteks tinggi memerlukan pemahaman yang lebih mendalam terhadap isyarat halus, di mana makna sebenar kerap kali bergantung pada nada, hubungan interpersonal, serta situasi keseluruhan. Perbezaan ini dapat menyebabkan salah faham dalam interaksi antara budaya kerana setiap budaya mengutamakan elemen komunikasi yang berbeza.

Budaya konteks rendah mempunyai ciri-ciri seperti;

- i. Budaya dibentuk berasaskan keperluan dan matlamat individu.
- ii. Peraturan dan norma dikawal oleh individu.
- iii. Identiti individu lebih diutamakan; individu dianggap sebagai unit asas.
- iv. Komunikasi bersifat terus terang dan eksplisit, tanpa unsur berselindung.
- v. Menekankan ketegasan dalam interaksi.
- vi. Makna komunikasi terdapat secara langsung pada perkataan yang digunakan.

Budaya konteks rendah menekankan komunikasi verbal, di mana mesej yang diungkapkan secara lisan atau tulisan dianggap sebagai elemen terpenting dalam interaksi. Individu yang berasal dari budaya konteks rendah lebih cenderung kepada mesej yang eksplisit, iaitu jelas, tepat, dan spesifik, serta kurang memberi perhatian kepada isyarat bukan verbal seperti bahasa tubuh atau nada suara. Menurut Yama dan Zakaria (2023), komunikasi dalam budaya konteks rendah bersifat langsung dan lebih fokus kepada inti mesej yang hendak disampaikan, tanpa melibatkan cerita sampingan, kiasan, atau elemen tersembunyi. Pendekatan ini menjadikan komunikasi lebih cepat dan efisien, kerana mesej disampaikan dengan cara yang mudah difahami dan tidak memerlukan interpretasi tambahan.

Manakala budaya dalam konteks tinggi mempunyai ciri-ciri seperti;

- i. Budaya dibentuk berasaskan keperluan dan matlamat kumpulan.
- ii. Tindakan dikawal oleh norma kumpulan yang kuat.
- iii. Cara berkomunikasi tidak terus; terdapat unsur-unsur berselindung atau cakap beralas.
- iv. Menekankan empati, iaitu cubaan untuk memahami perasaan orang lain.
- v. Makna komunikasi bergantung pada konteks dan situasi.

Dalam budaya komunikasi konteks tinggi, mesej yang disampaikan lebih menekankan unsur bukan verbal seperti nada suara, ekspresi wajah, dan gerak badan. Komunikasi ini cenderung bersifat implisit, iaitu tidak terlalu jelas dan sering kali bersifat umum. Maklumat yang tersembunyi atau tersirat membawa lebih banyak makna, menjadikan mesej yang disampaikan kaya dengan nuansa dan makna tambahan. Pendekatan

komunikasi ini tidak secara langsung; ia menekankan sikap menjaga hati, yang sering kali memerlukan masa yang lebih lama untuk difahami secara menyeluruh. Sebaliknya, budaya komunikasi konteks rendah menekankan kepentingan mesej verbal, di mana apa yang diungkapkan secara lisan atau tulisan menjadi elemen utama dalam komunikasi. Mesej dalam budaya ini adalah eksplisit, jelas, tepat, dan spesifik, kurang memberi perhatian kepada isyarat bukan verbal. Komunikasi dalam konteks rendah lebih bersifat langsung, memberi fokus kepada inti mesej yang ingin disampaikan tanpa bercerita atau menggunakan kiasan. Oleh kerana mesej lebih eksplisit, komunikasi konteks rendah cenderung lebih cepat dan efisien, kerana mesej disampaikan dengan cara yang mudah difahami dan tanpa memerlukan interpretasi tambahan (Yama & Zakaria, 2023; Gao, 2019).

#### 4.2. Budaya Monokronik dan Polikronik

Amoah et al. (2023) membincangkan budaya polikronik, yang merujuk kepada kecenderungan untuk menjalankan pelbagai tugas serentak dan menguruskan masa dengan lebih fleksibel manakala budaya monokronik yang lebih mementingkan ketepatan masa dan perancangan yang teliti. Hall (1976) mendapati banyak daripada negara mengamalkan komunikasi konteks tinggi juga mengamalkan budaya polikronik, dan negara berkonteks rendah mengamalkan budaya monokronik. Negara yang mengamalkan budaya monokronik ialah Amerika syarikat, German, United Kingdom, Australia, dan Jepun. Manakala contoh negara yang mengamalkan budaya polikronik ialah Malaysia, Indonesia, Arab Saudi dan Thailand. Menurut Lindquist dan Kaufman-Scarborough (2007), dimensi budaya polikronik dan monokronik melibatkan penggunaan masa oleh individu. Secara umumnya individu yang melakukan kerja dalam banyak kerja dalam satu masa. Contohnya kita menyiapkan tiga cadangan projek yang berlainan berbanding rakan kita yang hanya membuat satu cadangan projek.

Ciri-Ciri Budaya Monokronik seperti;

- i. Melakukan satu tugas pada satu masa.
- ii. Memberikan fokus dan tumpuan penuh pada satu kerja pada satu masa.
- iii. Menghargai komitmen masa dengan serius.
- iv. Berpegang teguh pada komitmen terhadap kerja.
- v. Mematuhi rancangan dan penjadualan dengan ketat.
- vi. Mengutamakan ketepatan masa.
- vii. Cenderung kepada hubungan jangka pendek.
- viii. Menghormati privasi dan tidak mahu mengganggu orang lain, serta mematuhi
- ix. peraturan.
- x. Menghormati hak milik persendirian dan tidak mencero boh ruang peribadi orang
- xi. lain.

Ciri-Ciri Budaya Polikronik seperti;

- i. Melakukan banyak tugas dalam satu masa.
- ii. Mudah teralih perhatian oleh perkara-perkara yang tidak dijadualkan.
- iii. Komited pada waktu secara fleksibel, bukan objektif yang ketat.
- iv. Mementingkan dan komited pada hubungan persahabatan.
- v. Rancangan dan penjadualan boleh diubah mengikut keperluan.
- vi. Tidak memberi penekanan tinggi pada ketepatan masa.
- vii. Cenderung membina hubungan jangka panjang.
- viii. Prihatin terhadap mereka yang mempunyai hubungan rapat, seperti keluarga, kawan,

- ix. dan kenalan.
- x. Mudah berkongsi harta benda dengan meminjam atau memberi pinjam.

### 4.3. Stereotaip dan Prejudis

[Healey \(2009\)](#) mendefinisikan stereotaip sebagai pernyataan umum yang cenderung negatif terhadap sesuatu kumpulan etnik, biasanya merujuk kepada gambaran yang berlebih-lebihan mengenai tingkah laku baik atau buruk yang disematkan kepada kumpulan etnik tertentu oleh kumpulan etnik lain, terutama apabila melibatkan etnik minoriti. Stereotaip sering kali timbul akibat pertembungan antara dua atau lebih komuniti etnik, di mana persepsi negatif dibentuk berdasarkan perbezaan budaya dan pengalaman yang terhad. Manakala, [Healey \(2009\)](#) mentakrifkan prejudis sebagai pandangan negatif yang tersimpan dalam hati terhadap anggota atau kelompok etnik lain. Sikap prejudis ini biasanya tidak diluahkan secara terbuka dan sering kali tidak berdasarkan maklumat yang tepat atau objektif. Ketika prejudis dinyatakan secara terbuka, ia berubah menjadi stereotaip, yang boleh mencetuskan persepsi yang salah dan memburukkan hubungan antara etnik. Oleh itu, stereotaip dan prejudis, jika tidak ditangani, dapat menghalang pemahaman antara budaya dan menimbulkan ketegangan dalam masyarakat berbilang etnik. Oleh itu, dapat difahami stereotaip dan prejudis merujuk kepada penilaian yang dilakukan terhadap seseorang individu berdasarkan keanggotaan mereka dalam kumpulan tertentu, tanpa memperincikan maklumat latar belakang secara menyeluruh. Interaksi atau pengalaman terdahulu dengan individu dari kumpulan tertentu sering kali membentuk persepsi yang kemudiannya diaplikasikan kepada semua ahli kumpulan tersebut.

[Neculăesei \(2017\)](#) menekankan bahawa stereotaip, yang sering berfungsi sebagai generalisasi yang tidak tepat, berpotensi menyebabkan salah faham dan konflik dalam persekitaran silang budaya. Walaupun stereotaip kadangkala dianggap berguna sebagai alat untuk memahami unsur-unsur tertentu dalam budaya yang berbeza, ia juga mencipta pandangan yang kaku dan menghalang penerimaan terhadap kepelbagaian budaya. Stereotaip cenderung untuk membatasi pemahaman terhadap budaya lain dan meletakkan individu dalam kategori yang sempit berdasarkan prasangka yang tidak tepat. [Neculăesei \(2017\)](#) menyarankan agar stereotaip dianalisis secara kritis, dengan tujuan untuk memupuk kesedaran yang lebih tinggi terhadap kepelbagaian budaya dan menggalakkan pemahaman yang inklusif dalam konteks global. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memperbaiki interaksi antara budaya, tetapi juga membantu membina persefahaman dan toleransi yang lebih mendalam di kalangan masyarakat yang berbilang budaya.

Manakala [Suresh dan Floranza \(2022\)](#) menyatakan bahawa walaupun stereotaip budaya kadang kala dianggap berguna dalam membantu memahami elemen tertentu dalam budaya yang berbeza, ia sering kali membawa kepada salah tafsir dan diskriminasi. Kebergantungan kepada stereotaip boleh menghalang individu daripada menghargai kepelbagaian budaya dengan lebih mendalam dan sebaliknya menggalakkan pandangan yang kaku serta terhad. Stereotaip budaya bukan sahaja mencipta halangan dalam memahami budaya lain secara holistik tetapi juga berpotensi mencetuskan ketidakadilan sosial dan memperburuk konflik antara kumpulan yang berbeza. Menurut [Suresh dan Floranza \(2022\)](#), penggunaan stereotaip budaya dalam interaksi sosial mencabar keharmonian dalam persekitaran multikultural kerana ia mengukuhkan jurang antara budaya dan menghalang usaha ke arah penerimaan dan toleransi. Oleh itu, perbincangan ini menyoroti keperluan untuk mengatasi stereotaip melalui pendekatan yang lebih

kritis, bagi mewujudkan persefahaman yang lebih mendalam dalam konteks global yang berbilang budaya.

## 5. Kepentingan Komunikasi Silang Budaya dalam Pelancongan

Menurut [Albu \(2015\)](#), apabila pelancong dan penyedia perkhidmatan pelancongan berinteraksi dalam konteks budaya yang berbeza, ini sering mencetuskan potensi salah faham, konflik, dan kejutan budaya. Fenomena ini bukan sahaja menghalang keberkesanan komunikasi, tetapi juga berisiko menjejaskan pengalaman pelancong serta persepsi mereka terhadap budaya tempatan. Perbezaan budaya yang signifikan sering kali membentuk halangan komunikasi yang membawa kepada salah tafsir dan stereotaip negatif. Pelancong yang tidak memahami nilai, norma, atau adat tempatan mungkin merasa terasing atau tidak selesa, yang menghalang mereka daripada benar-benar menikmati dan menghargai destinasi yang dikunjungi. Begitu juga, penduduk setempat mungkin salah faham atau menilai pelancong berdasarkan persepsi budaya mereka sendiri, yang boleh mencetuskan interaksi yang kurang harmoni.

Oleh itu, komunikasi yang berkesan dalam pelancongan menjadi penting untuk membina jambatan antara perbezaan budaya ini. Pendekatan komunikasi yang menyeluruh dan inklusif membantu mengatasi halangan budaya dengan memperkenalkan nilai toleransi dan rasa hormat terhadap kepelbagaian. Dalam konteks ini, pelancongan bukan hanya tentang penerokaan tempat-tempat baru, tetapi juga mengenai pengalaman lintas budaya yang memperkaya kedua-dua pihak yang terlibat. Komunikasi yang efektif memerlukan pelancong untuk bersikap terbuka, peka terhadap budaya setempat, dan bersedia untuk menyesuaikan diri, sementara penyedia perkhidmatan pelancongan pula perlu mengembangkan keupayaan untuk memahami dan menyesuaikan perkhidmatan mereka kepada keperluan budaya pelancong. Selain itu, dengan mewujudkan pemahaman yang lebih mendalam dan penghargaan terhadap budaya asing, komunikasi lintas budaya dapat mengurangkan prasangka dan stereotaip negatif. Dalam jangka panjang, pendekatan ini bukan sahaja memupuk keharmonian dalam interaksi antara budaya tetapi juga menyumbang kepada peningkatan daya saing destinasi pelancongan yang mesra budaya. Oleh itu, komunikasi silang budaya yang berkesan adalah kunci utama untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam industri pelancongan global yang semakin berkembang pesat ([Albu, 2015](#)).

Walaupun komunikasi silang budaya dalam pelancongan halal menawarkan banyak manfaat, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi. Perbezaan bahasa, ketidakfahaman tentang keperluan Islam, dan stereotaip yang masih wujud boleh menjejaskan pengalaman pelancongan. Pengendali pelancongan dan masyarakat setempat mungkin tidak selalu memahami kepentingan amalan-amalan seperti solat, berpuasa, atau pemilihan makanan halal, yang kadangkala menimbulkan ketegangan. Oleh itu, adalah penting untuk menyediakan latihan dan pendidikan bagi penyedia perkhidmatan pelancongan agar mereka lebih peka dan memahami keperluan unik pelancong Muslim. Pendidikan memainkan peranan utama dalam mengatasi cabaran komunikasi silang budaya. Dengan pengetahuan yang lebih baik mengenai Islam dan budaya Muslim, pengendali pelancongan boleh menyediakan perkhidmatan yang lebih sesuai dan menghormati kepercayaan pelancong. Latihan silang budaya yang diberikan kepada pekerja dalam sektor pelancongan, seperti di hotel, restoran, dan pengangkutan, dapat membantu mereka memahami etika dan keperluan pelancong Muslim. Ini bukan sahaja meningkatkan kualiti perkhidmatan tetapi juga membina hubungan yang lebih positif antara pelancong dan pekerja pelancongan.

Yousefzadeh (2018) menegaskan bahawa dalam perspektif Islam, komunikasi antara budaya bukanlah satu proses untuk memenangi perdebatan atau membuktikan pihak lain salah, tetapi sebaliknya, ia adalah usaha untuk memahami dan menghargai pandangan yang berbeza melalui pendekatan yang adil dan penuh hormat. Prinsip-prinsip Islam menekankan pentingnya komunikasi yang berasaskan sikap saling menghormati dan komitmen terhadap keadilan. Pendekatan ini menuntut setiap pihak dalam dialog untuk mendengarkan dan berusaha memahami latar belakang dan kepercayaan pihak lain, tanpa prasangka atau diskriminasi. Dalam konteks variasi budaya, komunikasi yang berteraskan nilai-nilai ini dapat membina asas yang kukuh bagi hubungan yang harmoni antara individu daripada latar belakang yang berbeza. Yousefzadeh (2018) turut membincangkan masalah utama yang sering timbul dalam komunikasi antara budaya, iaitu kurangnya pemahaman tentang bagaimana prinsip-prinsip Islam dapat diterapkan untuk membentuk pendekatan komunikasi yang lebih inklusif dan berkesan. Dengan ketiadaan pemahaman mendalam terhadap nilai-nilai Islam yang menekankan kerjasama, saling menghormati, dan keadilan, potensi komunikasi sebagai alat untuk mengurangkan perpecahan sosial menjadi terbatas.

## **6. Komunikasi Silang Budaya dalam Interaksi Pelancong Muslim dan Komuniti Tempatan**

Battour dan Ismail (2014) menegaskan bahawa norma-norma dan amalan Islam yang tersedia di destinasi pelancongan tertentu berperanan besar dalam meningkatkan tahap kepuasan pelancong Muslim. Elemen-elemen agama seperti kemudahan solat, penyediaan makanan halal, serta persekitaran yang selaras dengan nilai-nilai Islam bukan sahaja memudahkan pelancong Muslim untuk menjalani kehidupan harian yang patuh syariah tetapi juga memainkan peranan penting sebagai faktor penentu dalam memilih destinasi. Apabila destinasi pelancongan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam, ia secara tidak langsung memupuk pengalaman yang lebih menyeluruh dan menyenangkan bagi pelancong Muslim. Menurut Battour dan Ismail (2014), elemen agama ini bertindak sebagai moderator yang menguatkan hubungan antara motivasi pelancongan dan kepuasan pelancong Muslim. Pelancong Muslim yang bermotivasi untuk melakukan perjalanan mungkin didorong oleh pelbagai faktor, sama ada untuk menikmati keindahan alam, berlibur bersama keluarga, atau mengalami budaya yang berbeza. Walau bagaimanapun, kehadiran elemen-elemen agama di destinasi pelancongan membolehkan pelancong ini menikmati pengalaman yang lebih menyeluruh dan bermakna kerana ia selari dengan kepercayaan dan nilai-nilai agama mereka.

Kehadiran elemen-elemen seperti masjid, kemudahan wuduk, restoran halal, dan hotel yang bebas alkohol memberikan rasa selesa dan menepati keperluan mereka, yang secara langsung meningkatkan tahap kepuasan. Tambahan pula, pemahaman terhadap kepentingan elemen agama di destinasi pelancongan bukan sahaja membantu meningkatkan kesetiaan pelancong Muslim tetapi juga menggalakkan destinasi-destinasi ini untuk menambah baik perkhidmatan mereka. Dengan menyediakan kemudahan yang sesuai, destinasi dapat menarik lebih ramai pelancong Muslim yang mungkin menjadikan tempat itu sebagai destinasi pelancongan pilihan utama mereka. Hal ini menunjukkan bahawa amalan dan norma Islam bukan sekadar aspek pelengkap dalam pelancongan Islam, tetapi berfungsi sebagai elemen yang penting dalam memperkukuhkan hubungan antara motivasi dan kepuasan pelancong Muslim. Destinasi yang menitikberatkan elemen-elemen keagamaan berupaya memberikan pengalaman

yang lebih menyeluruh serta memenuhi ekspektasi pelancong Muslim dengan lebih berkesan ([Battour & Ismail, 2014](#)).

[Setiawan \(2023\)](#) menekankan bahawa komunikasi yang efektif dalam konteks pelancongan memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap norma dan nilai budaya yang berbeza. Pelancongan antarabangsa sering kali melibatkan pertembungan antara pelancong dari pelbagai latar belakang budaya dan penduduk tempatan yang memiliki cara hidup dan kepercayaan tersendiri. Untuk mencapai komunikasi yang berkesan, kedua-dua pihak perlu mengenal pasti, memahami, dan menghormati perbezaan budaya yang wujud. Apabila pelancong dan komuniti tempatan gagal untuk memahami perbezaan ini, situasi tersebut boleh mencetuskan kejutan budaya, di mana pelancong mungkin merasa terasing atau terkejut dengan amalan tempatan yang tidak sesuai dengan harapan mereka. Selain kejutan budaya, kekurangan pemahaman antara budaya juga dapat mengaktifkan stereotaip negatif yang memburukkan lagi keadaan. Stereotaip ini cenderung menguatkan persepsi yang salah terhadap kelompok budaya tertentu, yang boleh menyebabkan pelancong atau penduduk tempatan merasa tidak dihormati atau dipinggirkan. Sebagai contoh, pelancong yang tidak memahami adat atau bahasa tempatan mungkin dilihat sebagai kurang sensitif, sementara penduduk tempatan pula mungkin dianggap tidak mesra atau terlalu konservatif oleh pelancong. Faktor ini boleh menghalang interaksi yang positif dan mengakibatkan pengalaman yang tidak memuaskan bagi kedua-dua pihak.

Untuk mengatasi cabaran ini, [Setiawan \(2023\)](#) mencadangkan bahawa kemahiran komunikasi antara budaya perlu dipupuk dalam kalangan pekerja industri pelancongan dan pelancong. Latihan dan pendidikan dalam aspek ini dapat membantu pekerja pelancongan memahami dan menghormati pelbagai budaya yang mereka temui, seterusnya menyokong interaksi yang lebih mesra dan harmoni. Dengan pendekatan yang lebih proaktif dalam membina pemahaman silang budaya, industri pelancongan dapat menyumbang kepada pembinaan toleransi, memupuk penghargaan terhadap kepelbagaian budaya, dan memastikan pengalaman yang lebih bermakna bagi pelancong dan komuniti tempatan. Oleh itu, penekanan kepada komunikasi yang berkesan dan sensitif terhadap norma-norma budaya menjadi kunci kepada interaksi yang berjaya dalam pelancongan global yang semakin berkembang pesat. Manakala [Sumiati \(2017\)](#) membincangkan mengenai komuniti Hindu di Bali yang menolak konsep pelancongan halal kerana bertentangan dengan nilai dan identiti budaya tempatan yang berteraskan agama Hindu. Dalam konteks ini, kajian [Sumiati \(2017\)](#) menekankan bahawa komunikasi yang menghargai kepelbagaian budaya dan berasaskan kearifan tempatan merupakan elemen penting dalam menguruskan perbezaan budaya. Komunikasi yang berkesan membolehkan komuniti berbeza menyuarakan kebimbangan mereka dengan cara yang sopan dan menghormati pandangan pihak lain. Oleh itu, [Sumiati \(2017\)](#) menunjukkan bahawa dalam konteks pelancongan yang melibatkan pelbagai pandangan agama, komunikasi yang menghormati kepelbagaian budaya dan berlandaskan kearifan tempatan adalah kunci dalam menguruskan dan menyelaraskan perbezaan budaya.

Manakala, dalam era digital, teknologi telah menjadi elemen penting dalam memperkasakan komunikasi silang budaya, khususnya dalam konteks pelancongan halal. Penggunaan aplikasi mudah alih, laman web, dan platform media sosial membolehkan pelancong Muslim mendapatkan maklumat tentang kemudahan halal di destinasi yang mereka lawati. Teknologi juga mengurangkan halangan bahasa, dengan aplikasi terjemahan dan panduan pelancongan yang tersedia dalam pelbagai bahasa, memudahkan komunikasi antara pelancong dan penyedia perkhidmatan pelancongan.

Teknologi ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan interaksi tetapi juga membantu pelancong Muslim dalam merancang perjalanan mereka dengan lebih baik, memastikan kemudahan yang mematuhi prinsip syariah dapat diakses dengan mudah. Menurut [Md Siddique et al. \(2024\)](#), inovasi digital seperti realiti maya (VR), aplikasi penghantaran makanan halal, dan panduan masjid maya menawarkan pelbagai manfaat yang dapat memperkayakan pengalaman pelancong Muslim. Teknologi VR, sebagai contoh, memberi peluang kepada pelancong untuk meneroka destinasi dengan lebih mendalam sebelum mereka tiba, sementara aplikasi penghantaran makanan halal memastikan akses kepada makanan yang sesuai dengan keperluan Syariah, di mana pun mereka berada. Panduan masjid maya pula membolehkan pelancong mencari tempat ibadah berdekatan dengan cepat dan mudah. Dengan sokongan teknologi ini, komunikasi antara pelancong dan penyedia perkhidmatan menjadi lebih lancar, sekaligus memperkukuh potensi pelancongan halal sebagai jambatan bagi komunikasi silang budaya yang lebih mendalam. Dalam hal ini, teknologi tidak hanya memenuhi keperluan praktikal pelancong tetapi juga memainkan peranan sebagai penghubung budaya yang mendukung integrasi dan pemahaman yang lebih baik di antara pelbagai komuniti global.

## 7. Kesimpulan

Komunikasi silang budaya adalah elemen penting dalam industri pelancongan halal, di mana ia memainkan peranan utama dalam memastikan perkhidmatan yang disampaikan kepada pelancong Muslim memenuhi standard kualiti yang tinggi. Melalui komunikasi yang berkesan, industri ini bukan sahaja dapat memastikan bahawa keperluan pelancong Muslim, termasuk perkhidmatan patuh Syariah dan nilai-nilai Islam, dipenuhi, tetapi juga dapat membina hubungan yang kukuh antara pihak penyedia perkhidmatan dan pelanggan. Ini seterusnya memperkukuhkan kepercayaan pelancong terhadap industri pelancongan halal. Strategi komunikasi silang budaya yang efektif juga dapat mencipta pengalaman bagi pelancong daripada pelbagai latar belakang budaya. Melalui pendekatan ini, pelancong Muslim berpeluang merasai suasana yang diterima dan dihormati oleh komuniti setempat, yang sekaligus mengukuhkan lagi pengalaman pelancongan mereka. Di samping itu, industri pelancongan halal mempunyai peluang untuk memperluaskan pengaruhnya di peringkat global dengan pendekatan yang menitikberatkan persefahaman antara budaya dan komunikasi yang harmoni.

Dalam era globalisasi yang semakin saling berkait, komunikasi silang budaya dalam pelancongan halal turut memainkan peranan dalam mempromosikan persefahaman yang lebih mendalam antara budaya. Melalui interaksi yang hormat dan inklusif, perkhidmatan yang disediakan bukan sahaja memenuhi keperluan pelancong Muslim, tetapi juga menyumbang kepada persefahaman antara pelancong dan komuniti setempat. Dengan memahami keperluan pelancong dari pelbagai latar belakang budaya, komunikasi silang budaya yang berkesan dapat mengurangkan salah faham dan stereotaip serta memperkukuhkan hubungan antara budaya. Pendekatan komunikasi silang budaya ini membuka peluang yang besar bagi pelancongan halal di peringkat global. Dengan menjadi pemangkin kepada hubungan yang harmoni antara komuniti yang berbeza budaya, pelancongan halal memainkan peranan dalam mempromosikan nilai-nilai Islam secara harmoni di peringkat antarabangsa. Di samping meningkatkan kesedaran terhadap kepelbagaian budaya, ia juga berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan pelbagai komuniti, sekaligus menyokong integrasi yang positif. Pelancongan halal berpotensi untuk menjadi alat yang penting dalam membina dunia yang lebih inklusif. Melalui prinsip komunikasi silang budaya yang menghargai

perbezaan dan memperkukuhkan hubungan antarabangsa, pelancongan halal mampu menjalin kerjasama global yang erat. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan persefahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya, tetapi juga membina asas yang kukuh untuk integrasi dan kerjasama yang positif di peringkat global. Justeru, pelancongan halal bukan sahaja memenuhi keperluan pelancong Muslim tetapi juga menjadi platform penting dalam usaha membina dunia yang saling menghormati dan memahami antara satu sama lain.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Walaupun kajian ini berbentuk analisis literatur dan tidak melibatkan data primer daripada manusia, ia tetap mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Tiada sebarang interaksi langsung dengan peserta dijalankan.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengarang yang hasil kajiannya telah menjadi rujukan utama dalam membina perbincangan dalam artikel ini. Artikel ini turut mendapat manfaat daripada sokongan institusi akademik yang menyediakan akses kepada sumber ilmiah dan platform penyelidikan yang menyokong kelestarian pengembangan ilmu.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan atau sokongan kewangan daripada mana-mana institusi. Segala kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh penulis sendiri.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan yang wujud dalam penyediaan dan penulisan artikel ini.

### **Rujukan**

- Adinugraha, H. H., Nasarruddin, R., Andrean, R., & Shulthoni, M. (2023). Halal Tourism in Malaysia: Its Development and Strategy. *Social Sciences and Education Research Review*, 10(1), 93-98. <https://doi.org/10.5281/zenodo.8151093>
- Albu, C. E. (2015). Intercultural communication in tourism. *Cross-Cultural Management Journal*, XVII(1), 7-14.
- Amoah, K., Gyamfi, E., & Mensah, R. O. (2023). A study on the elasticity of time in a perceived polychronic culture. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 14(2), 1-13. <https://doi.org/10.36941/mjss-2023-0009>
- Bahtar, A. Z. (2012). Halal tourism attributes and its effect on tourists' holidays experiences in malaysia. *Proceedings of the International Conference on Public Policy and Social Science, UiTM Melaka Malaysia*, November 2012, pp. 414-425.

- Battour, M., & Ismail, M. N. (2014). The role of destination attributes in islamic tourism. *SHS Web of Conferences*, 12(01077), 1-8.
- Faridah, H., Siti Aisah, Y., Fatin Lina Amirah, M. I., Muhammad Izrin Hani, M. R., & Santi, R. (2023). Halal tourism industry: advantages and challenges in Malaysia. *International Journal of Emerging Issues in Islamic Studies*, 3(1), 1-12. <https://doi.org/10.31098/ijeis.v3i1.1683>
- Hall, E. T. (1976). *Beyond Culture*. New York: Anchor Books.
- Healey, J. F. (2009). *Race, ethnicity, gender, and class: The sociology of group conflict and change* (5th ed.). SAGE Publications.
- Gao, Y. (2019). Differences and strategies of high and low context cultures from the perspective of burberry's advertisement. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 309, 317-320.
- Global Muslim Travel Index. (2021). *Mastercard-crescentrating global muslim travel index 2021*. <https://www.crescentrating.com/reports/global-muslim-travel-index-2021.html>
- Lobanova, E. I., Zenina, L. V., Iksanova, M. G., Medvedeva, I. V., & Kalabekova, L. U. (2019). The human factor in intercultural communications: Solution methods and technologies. *Amazônia Investiga*, 8(23), 328-336.
- Lindquist, J. D., & Kaufman-Scarborough, C. (2007). The polychronic-monochronic tendency model: PMTS scale development and validation. *Time & Society*, 16(2/3), 269-301.
- Mamzer, H. (2018). Intercultural communication skills development as a basic requirement in the multicultural world. *Edukacja Międzykulturowa*, 2(9), 61-75. <https://doi.org/10.15804/em.2018.02.03>
- Mavianti, R. Harfiani, & Gunawan. (2020). The role of intercultural communication skills in cultural transformation for students. *Proceeding of the International Conference on Culture, Language and Literature, Medan, Indonesia*, 30 January, pp. 30-36.
- Md. Siddique E. Azam, Moha Asri Abdullah & Dzuljastri Abdul Razak. (2019). Halal tourism: definition, justification, and scopes towards sustainable development. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(3), 23-31.
- Md Siddique E Azam, Betania Kartika Muflih, & M Ashraf Al Haq. (2024). Intersection between modern technologies and halal tourism: exploring the role of digital innovation in enhancing muslim travellers' experience. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 21(1), 16-31. <https://doi.org/10.33102/jmifr.546>
- Neculăesei, A.-N. (2017). Cultural stereotypes – a revival of bosche's view. *Review of Economic and Business Studies*, 10(2), 205-218. <https://doi.org/10.1515/rebs-2017-0061>
- OIC. (2018). *Strategic Roadmap for Development of Islamic Tourism in OIC Member Countries*. The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC). <https://sesricdiag.blob.core.windows.net/sesric-site-blob/files/article/610.pdf>
- Rofiqo, A., Sholihin, M., Hanafi, S. M., & Maulana, A. I. (2022). Halal tourism: a systematic literature review. *Ihtifaz: Journal of Islamic Economics, Finance, and Banking*, 5(1), 21-36. <https://doi.org/10.12928/ijiefb.v5i1.6490>
- Setiawan, A. R. (2023). Tourism and intercultural communication: a theoretical study. *Jurnal Komunikasi*, 17(2), 186-195. <https://doi.org/10.21107/ilkom.v17i2.22733>.
- Sumiati, D. (2017). Intercultural communication based on local wisdom that made the people of bali reject sharia tourism. *Asian Journal of Media and Communication*, 1(2), 137-146.

- Suresh, B., & Floranza, J. M. (2022). Culture stereotypes and its impact in shaping public opinion in the 21st century. *Technoarete Transactions on Advances in Social Sciences and Humanities*, 2(3), 16-21.
- Suryandari, N., & Rahmawati, F. N. (2022). Halal tourism trends: case examples in some asian countries. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 672, 205-212.
- Yama, H., & Zakaria, N. (2023). Inference and culture: the distinction between low context culture and high context culture as a possible explanation for cultural differences in cognition. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 47(5), 546-563.
- Yousefzadeh, H. (2018). The Islamic basis for mutual understanding in intercultural communication. *Kom*, 7(2): 47-67. <https://doi.org/10.5937/kom1802047Y>
- Wahyono, Z. & Razak, M.A.A. (2020). Islamic tourism in southeast asia: the concept and its implementation. *International Journal of Halal Research*, 2(2), 90-105.